



MANUAL PENYEDIAAN  
**KLASIFIKASI FAIL**  
UNTUK JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN SARAWAK



Repositori Rekod Negeri  
Pustaka Negeri Sarawak  
2023



# **MANUAL PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL UNTUK JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN SARAWAK**



Repositori Rekod Negeri  
Pustaka Negeri Sarawak  
© 2023

Edisi Pertama

Cetakan Pertama 2023

© Pustaka Negeri Sarawak 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pustaka Negeri Sarawak.

Diterbitkan oleh


Pustaka Negeri Sarawak (Sarawak State Library)


Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium

93050 Petra Jaya

Kuching, Sarawak,

Malaysia.

 082 – 442000

 082 – 449944

 <https://www.pustaka-sarawak.com/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-9205-98-5

## SENARAI KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKASURAT

Prakata	i
1. Pendahuluan	1
2. Tujuan	3
3. Skop	5
4. Definisi / Tafsiran	7
5. Keperluan Penyediaan Klasifikasi Fail	9
6. Langkah - langkah penyediaan klasifikasi fail	11
7. Pelaksanaan Klasifikasi Fail Berdasarkan Fungsi dan Sub- Aktiviti dan Transaksi	33
8. Kemaskini Klasifikasi Fail Pejabat Awam	36
9. Penutup	38
10. Lampiran	40
11. Pertanyaan	42
Lampiran 1	44
- Contoh Format Deskripsi	
Lampiran 2	46
- Format Pengharmonian Klasifikasi Fail	
Lampiran 3	47
- Carta Aliran Pengharmonian Dan Persetujuan Klasifikasi Fail	
Lampiran 4	48
- Kaedah Pelaksanaan Klasifikasi Fail Baru	
Lampiran 5	50
- Aliran Kerja Pelaksanaan Klasifikasi Fail Yang Baru	
Lampiran 6	51
- Contoh Templat Klasifikasi Urusan Am Jabatan / Agensi Awam Kerajaan Negeri Sarawak	
Lampiran 7	167
- Contoh Templat Klasifikasi Urusan Fungsian Pustaka Negeri Sarawak	

## **PRAKATA**

Manual ini mengandungi panduan kepada proses penyediaan klasifikasi fail bagi jabatan / agensi perkhidmatan awam Kerajaan Sarawak. Ia merupakan salah satu usaha Pustaka Negeri Sarawak selaras dengan tanggungjawabnya mengikut Sarawak State Library Ordinance, 1999 (Seksyen 14, 1(d)) untuk menyimpan dan memelihara rekod awam Kerajaan Negeri.

Di masa kini pejabat awam Kerajaan Sarawak mengamalkan pelbagai jenis klasifikasi fail untuk menyelenggara rekod di pejabat masing-masing. Justeru tujuan penerbitan manual ini adalah untuk mewujudkan keseragaman dan penyelarasan dalam menyedia dan membentuk klasifikasi fail pejabat awam Kerajaan Sarawak agar pengurusan rekod aktif, separa aktif dan tidak aktif dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Skop manual ini meliputi garis panduan proses penyediaan dan pembentukan klasifikasi fail pejabat awam Kerajaan Sarawak selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Surat Pekeliling No. 24 Tahun 2019 tanggungjawab Ketua Jabatan dan peranan Pustaka Negeri Sarawak dalam pngurusan rekod awam dan arkib. Berdasarkan peraturan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan, Arkib Negara Malaysia telah menerbitkan panduan klasifikasi fail pejabat awam berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang dilaksanakan oleh pejabat awam bagi Rekod Urusan Am dan Rekod Fungsian.

Panduan dalam manual ini mengandungi templat Klasifikasi Rekod Urusan Am yang direka khas untuk menepati peraturan-peraturan pengurusan rekod Kerajaan Negeri Sarawak seperti yang diperuntukan dalam Sarawak State Library Ordinance, 1999.

Adalah menjadi harapan pihak Pustaka Negeri Sarawak agar manual ini dapat dijadikan sumber rujukan dan panduan oleh jabatan dan agensi untuk menyediakan klasifikasi berdasarkan kepada fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa Kerajaan Sarawak.

Sehubungan dengan itu Pustaka Negeri Sarawak merakamkan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan manual ini.

*Terima Kasih*

Tuan Haji Japri Bujang Masli  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Pustaka Negeri Sarawak



## **1.0 PENDAHULUAN**

---

# PANDUAN PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL PEJABAT AWAM KERAJAAN SARAWAK

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 *Sarawak State Library Ordinance, 1999* (Seksyen 3, 11A, 29 (2)) memperuntukkan Pustaka Negeri Sarawak adalah bertanggungjawab untuk menyimpan dan memelihara rekod awam Kerajaan Sarawak bermula daripada pewujudan sehingga pemisahan.
- 1.2 Kerajaan Sarawak telah membuat ketetapan bahawa penyediaan klasifikasi fail hendaklah memenuhi keperluan Standard Pengurusan Rekod MS2223:2009: *Information and documentation – Records Management Part 1(General) dan Part 2 (Guidelines)* seperti yang dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan.
- 1.3 Berdasarkan MS2223:2009, rekod dapat diwujudkan sebagai bukti yang sah kerana pewujudan rekod berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi dapat menunjukkan isi kandungan, struktur dan konteks pewujudan rekod tersebut.
- 1.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat telah diedarkan kepada semua jabatan awam mengenai ketetapan penggunaan klasifikasi fail berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi.
- 1.5 Penggunaan klasifikasi ini dapat mewujudkan penyelarasan dan keseragaman dalam pewujudan, penyelenggaraan, pemisahan, pemeliharaan serta mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Sarawak dengan lebih berkesan dan sistematik.



## 2.0 TUJUAN

---



## **2.0 TUJUAN**

Manual ini disediakan sebagai sumber rujukan serta panduan untuk menjelaskan proses penyediaan klasifikasi fail berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi kepada semua pejabat awam Kerajaan Sarawak.



## **3.0 SKOP**

---

### **3.0 SKOP**

Manual ini perlu digunapakai oleh semua pejabat awam Kerajaan Sarawak semasa hendak menyediakan klasifikasi fail Urusan Am dan Urusan Fungsian untuk semua jenis rekod (termasuk rekod yang diwujudkan dengan menggunakan sistem berkomputer).



## **4.0 DEFINISI / TAFSIRAN**

---

## **4.0 DEFINISI / TAFSIRAN**

### **4.1 Klasifikasi Fail**

Proses mengenalpasti dan mengumpulkan maklumat secara logikal ke dalam kumpulan / kategori yang sama atau seakan-akan sama dimana setiap satu kumpulan / kategori rekod itu dapat diwujudkan dan dikenali dengan identitinya sendiri.

### **4.2 Pejabat Awam**

Sesuatu pejabat Kerajaan Negeri atau mana-mana pejabat Kerajaan Persekutuan atau sesuatu pejabat mana-mana Kerajaan Tempatan, pihak berkuasa Badan Berkanun atau Perusahaan Kerajaan.

### **4.3 Perusahaan Kerajaan**

Mana-mana perusahaan yang keseluruhan atau sebahagian daripada modalnya datang daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

### **4.4 Rekod Awam**

Rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat / agensi awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan Kerajaan Negeri dan juga termasuk segala rekod yang, pada permulaan kuatkuasa *Sarawak State Library Ordinance*, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Pustaka Negeri Sarawak yang ditubuhkan di bawah *Sarawak State Library Ordinance, 1999* – Seksyen 2 (Tafsiran), *Sarawak State Library Ordinance, 1999*.



## **5.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL**

---

## **5.0 KEPERLUAN PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL**

- i. Mewujudkan klasifikasi fail yang seragam di semua pejabat awam Kerajaan Sarawak.
- ii. Pra-syarat pelaksanaan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik.
- iii. Membolehkan pewujudan dan penawanan rekod secara sistematik bagi memenuhi keperluan audit, siasatan dan keakuran kepada perundangan.
- iv. Pengesanan rekod untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri menjadi mudah dan berkesan.
- v. Pemisahan rekod dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan apabila rekod diwujudkan berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi.



## **6.0 LANGKAH - LANGKAH PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL**

---



## **6.0 LANGKAH-LANGKAH PENYEDIAAN KLASIFIKASI FAIL**

### **Langkah 1: Perbincangan Awal Dengan Pustaka Negeri Sarawak**

Pejabat Awam Kerajaan Sarawak perlu menghubungi Pustaka Negeri Sarawak untuk mengadakan perbincangan awal untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi menyediakan klasifikasi fail.

### **Langkah 2: Penubuhan Pasukan Kerja Penyediaan Klasifikasi Fail**

Satu pasukan kerja peringkat jabatan / agensi perlu ditubuhkan untuk melaksanakan kerja-kerja penyediaan klasifikasi fail. Keahlian pasukan kerja seperti yang digariskan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia di peringkat Kerajaan Persekutuan, juga meliputi mana-mana Kerajaan Negeri hendaklah terdiri dari:

Ketua : SUB BKP (Peringkat Kementerian)  
Pengarah / Timbalan Pengarah (Peringkat Jabatan)  
Pengarah / Penolong Pengarah (Peringkat Jabatan Negeri)

Setiausaha : Ketua Penolong Setiausaha /  
Penolong Pegawai Tadbir /  
Pegawai Rekod Jabatan

Ali : Ketua-ketua Bahagian / Seksyen / Unit  
Penasihat Undang-undang / Pegawai Perundangan  
Pegawai dan kakitangan yang berkaitan  
Kerani Rekod Jabatan

Pegawai dan kakitangan yang dilantik menganggotai Pasukan Kerja Penyediaan Klasifikasi Fail perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan mengenai fungsi dan aktiviti jabatan serta mempunyai pengetahuan mengenai isi kandungan rekod dan boleh membuat keputusan mengenai klasifikasi fail jabatan masing-masing.

### **Langkah 3: Proses Penyediaan Klasifikasi Fail**

#### **i. Penganalisaan Fungsi dan Aktiviti Jabatan**

Klasifikasi fail disediakan dengan menganalisa, mengenalpasti dan menyusun fungsi serta aktiviti-aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam bagi memudahkan penawanan, penggunaan, penyelenggaraan, pemisahan dan pelupusan rekod secara sistematik dan konsisten.

Analisa fungsi dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi dari:

- a. Objektif dan fungsi jabatan
- b. Visi dan misi jabatan
- c. Carta fungsi
- d. Carta organisasi
- e. Laporan Tahunan Jabatan
- f. Senarai fail sedia ada
- g. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan
- h. Transaksi yang dilakukan

#### **ii. Hierarki Klasifikasi Fail**

Fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang telah dikenalpasti perlu dikelompok dan disusun mengikut hierarki. Susunan hierarki yang disediakan hendaklah tidak melebihi 4 peringkat (*level*) sepertimana yang digariskan di Klausa 4.2.2.2 dalam MS2223-2:2009. Ketetapan 4 peringkat ini adalah penting untuk memudahkan klasifikasi ini diguna pakai di dalam persekitaran konvensional dan elektronik.

Susunan hierarki klasifikasi fail adalah seperti berikut:


**Fungsi:** merujuk kepada tugas dan tanggungjawab utama yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam untuk memenuhi dan mencapai objektif penubuhannya.

**Aktiviti:** merujuk kepada kegiatan khusus yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam dalam memenuhi dan mencapai fungsi utama penubuhannya.


**Sub-aktiviti:** merujuk kepada kegiatan lebih khusus yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam dalam memenuhi dan mencapai aktiviti fungsi utama penubuhannya.

**Transaksi:** merujuk kepada unit-unit fail dengan tajuk khusus yang diwujudkan kerana sesuatu sub-aktiviti atau cabang khusus sesuatu sub-aktiviti. Ia adalah peringkat keempat klasifikasi fail. Unit-unit fail (*file folder*) ini mengandungi dokumen-dokumen transaksi yang bersesuaian dengan tajuk fail tersebut.


Contoh 1 : Susunan hierarki klasifikasi fail:



Contoh 2 : Susunan hierarki klasifikasi fail:




Contoh 3 : Susunan hierarki klasifikasi fail:



Contoh 4 : Susunan hierarki klasifikasi fail:



Contoh 5 : Susunan hierarki klasifikasi fail:





### iii. Perbendaharaan Kata

Perbendaharaan kata yang diguna pakai dalam perkelompokan fail yang mengikut fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi hendaklah dikawal. Kawalan ini adalah untuk memastikan hanya perbendaharaan kata yang berkaitan dengan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi pejabat awam itu sahaja yang digunakan. Sila rujuk Klausula 4.2.3.1 MS2223-2:2009.

### iv. Penggunaan Perbendaharaan Kata

- Elakkan penggunaan perkataan-perkataan berbeza yang mempunyai maksud yang hampir-hampir sama (*sinonim / synonym*).

Contoh:

**Tamadun** dengan **Peradaban**

**Jambatan** dengan **Titi**

- Elakkan penggunaan perkataan *homograph* yang mempunyai ejaan yang sama tetapi membawa makna yang berbeza sama sekali.

Contoh:

**Kabinet** bermaksud **Jemaah Menteri** atau **perabot**

- Elakkan penggunaan *acronym* iaitu singkatan kepada perkataan-perkataan.

Contoh:

**LO, DO** boleh membawa maksud yang berbeza. Oleh yang demikian perkataan penuh perlu digunakan iaitu **LO** maksud **Local Order** dan **DO Delivery Order**.

- Istilah yang digunakan mesti terdiri daripada **kata nama** dan **bukan kata kerja**.

Contoh:

KATA NAMA	KATA KERJA
Aduan	Pengaduan
Mesyuarat	Bermesyuarat
Penerbitan	Menerbit

#### v. Penyediaan Deskripsi Klasifikasi

- Deskripsi lengkap dan terperinci perlu disediakan untuk semua fungsi dan aktiviti. Deskripsi hendaklah menerangkan skop liputan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang boleh membantu memudahkan kerja memfail serta pencarian maklumat dengan menggunakan pencarian katakunci (*key word search*).
- Deskripsi **Fungsi** hendaklah menerangkan mengenai tajuk semua fungsi yang disenaraikan dalam hierarki klasifikasi. Deskripsi peringkat **Aktiviti** hendaklah menerangkan tajuk semua aktiviti yang terdapat dalam klasifikasi. Deskripsi **Sub-aktiviti** adalah penerangan mengenai semua tajuk Sub-aktiviti yang menjadi asas kepada pembentukan transaksi. Deskripsi peringkat **Transaksi** adalah Tajuk Fail yang meliputi skop isi kandungan fail yang terperinci dan mendalam.

- Guna deskripsi adalah untuk memudahkan pemilihan fail yang tepat dan betul untuk memasukkan surat atau dokumen dan lampiran-lampiran yang berkaitan dengan transaksi atau tajuk fail. Deskripsi terperinci dan lengkap dapat mengelakkan kesilapan dalam kerja-kerja menyelenggara fail seperti dapatan semula fail dan storan. Deskripsi lengkap juga boleh membantu Pegawai Rekod jabatan membuat keputusan yang tepat semasa melaksanakan proses pemisahan rekod.

#### **LANGKAH 4: Pengharmonian Klasifikasi Fail**

Draf klasifikasi fail yang telah disediakan oleh Pasukan Kerja Klasifikasi Fail Jabatan hendaklah dipersetujui oleh Pasukan Penyediaan Klasifikasi Fail Pustaka Negeri Sarawak. Persetujuan ini adalah bertujuan untuk pengharmonian klasifikasi fail yang muktamad.

Perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan ketika tindakan pengharmonian dilakukan:

- Kumpulan rekod Urusan Am disusun mengikut templat Klasifikasi Rekod Urusan Am (*Housekeeping Records*). Templat ini boleh dicapai melalui laman sesawang Pustaka Negeri Sarawak [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com).
- Templat bagi kumpulan rekod Fungsian **tidak disediakan** oleh pihak Pustaka Negeri Sarawak. Semua pejabat awam perlu menyediakan templat Klasifikasi Rekod Urusan Fungsian masing-masing dengan berpandukan kepada manual ini serta khidmat nasihat daripada Pasukan Penyediaan Klasifikasi Fail Pustaka Negeri Sarawak.

- Siri-siri tambahan di peringkat aktiviti atau sub-aktiviti rekod Urusan Am dan rekod Urusan Fungsian hendaklah disenaraikan dalam format pengharmonian seperti di **Lampiran 2**.
- Draf klasifikasi fail dalam format pengharmonian hendaklah dikemukakan kepada Pustaka Negeri Sarawak untuk pengharmonian di peringkat Jawatankuasa Pengharmonian Klasifikasi Fail Pustaka Negeri Sarawak.
- Pejabat awam perlu membuat pindaan ke atas draf klasifikasi fail sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengharmonian Klasifikasi Fail Pustaka Negeri Sarawak.
- Klasifikasi fail yang telah dipinda hendaklah dikemukakan semula untuk persetujuan Jawatankuasa pengharmonian Klasifikasi Fail Pustaka Negeri Sarawak. Selepas semakan dibuat, Pustaka Negeri Sarawak akan menghantar surat persetujuan. Sila rujuk **Lampiran 3**.

## **LANGKAH 5: Penyediaan Kod Klasifikasi Fail**

### **a. Penggunaan Kod**

Setiap fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang disusun dalam hierarki klasifikasi yang telah diluluskan perlu diberi kod. Selaras dengan penetapan oleh Jabatan Arkib Negera di peringkat Kerajaan Persekutuan, Pustaka Negeri Sarawak juga menetapkan Kod Sistem Nombor Blok bagi semua rekod Urusan Am bermula dari kod 100 sehingga 500 untuk diguna pakai oleh semua pejabat awam Kerajaan Sarawak. Manakala kod nombor 600 ke atas hendaklah digunakan bagi rekod Urusan Fungsian (tugas hakiki khusus sesuatu pejabat awam).

## **Kod Rekod Urusan Am (untuk semua pejabat awam Kerajaan Sarawak)**

- 100 Pengurusan Pentadbiran
- 200 Pengurusan Tanah, Bangunan dan Infrastruktur
- 300 Pengurusan Aset
- 400 Pengurusan Kewangan
- 500 Pengurusan Sumber Manusia

## **CONTOH KOD REKOD URUSAN FUNGSIAN**

### **Kod Rekod Urusan Fungsian**

#### **Contoh 1: Pustaka Negeri Sarawak**

- 600 Pengurusan Perpustakaan
- 700 Pengurusan Rekod
- 800 Pengurusan Arkib

#### **Contoh 2: Jabatan Kerja Raya**

- 600 Pembinaan Bangunan Kerajaan
- 700 Pembinaan Lebuh Raya dan Jalan Raya
- 800 Pembinaan Jambatan dan Jejambat

#### **Contoh 3: Jabatan Kehakiman Syariah**

- 600 Pengurusan Nikah Cerai
- 700 Khidmat Kaunseling dan Guaman
- 800 Kes-Kes Mahkamah

#### **Contoh 4: Pejabat Residen**

- 600 Pembangunan Daerah
- 700 Tadbir Urus Penduduk Tempatan
- 800 Penguatkuasaan

#### **Contoh 5: Universiti Malaysia Sarawak**

- 600 Pengurusan Akademik
- 700 Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- 800 Penyelidikan dan Pengantarabangsaan

#### **b. Penggunaan Tanda Pemisah**

Tanda yang diguna pakai untuk memisahkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi hendaklah diselaraskan seperti berikut:

- Tanda sengkang ( - ) hendaklah digunakan untuk memisahkan fungsi dan aktiviti.
- Tanda serong ( / ) hendaklah digunakan untuk memisahkan aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi.

Contoh 1 : Klasifikasi Urusan Am

**100 PENTADBIRAN (Fungsi)**

**100-1 Perundangan (Aktiviti)**

**100-1/1 Penggubalan Akta dan Peraturan (Sub-Aktiviti)**

100-1/1/1 Jawatankuasa Penyediaan Ordinan Jabatan

**(Transaksi / Tajuk Fail / Nombor Klasifikasi Fail)**



Contoh 2 : Klasifikasi Urusan Am

**200 TANAH, BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR (Fungsi)**

**200-1 Perancangan Pembangunan (Aktiviti)**

**200-1/1 Perancangan Perolehan Tanah, Bangunan dan Infrastruktur (Sub-Aktiviti)**

**200-1/1/1 Projek Di Bawah Rancangan Malaysia Ke 10 (Transaksi / Tajuk Fail / Nombor Klasifikasi Fail)**





Contoh 3 : Klasifikasi Urusan Am

**300 ASET (Fungsi)**

**300-1 Tadbir Urus Aset (Aktiviti)**

**300-1/1 Pengurusan Aset (Sub-aktiviti)**

300-1/1/1 Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan  
Negeri (JKPAKN)

**(Transaksi / Tajuk Fail / Nombor Klasifikasi Fail)**



Contoh 4 : Klasifikasi Urusan Am

**400 KEWANGAN DAN PERAKAUNAN (Fungsi)**

**400-1 Perakaunan Utama Perbendaharaan (Aktiviti)**

**400-1/1 Perbelanjaan Mengurus (Sub-Aktiviti)**

400-1/1/1 Belanja Mengurus –Objek Lanjut dan  
Objek Sebagai (KK004)

**(Transaksi / Tajuk Fail / Nombor Klasifikasi Fail)**

**400 - 1 / 1 / 1**



Contoh 5 : Klasifikasi Urusan Am

**500 SUMBER MANUSIA (Fungsi)**

**500-1 Pembangunan Organisasi (Aktiviti)**

**500-1/1 Perancangan Sumber Manusia (Sub-Aktiviti)**

500-1/1/1 Jawatankuasa Perancangan Pembangunan  
Sumber Manusia

**(Transaksi / Tajuk Fail / Nombor Klasifikasi Fail)**



### **c. Singkatan Nama Pejabat Awam**

- i. Setiap kod klasifikasi fail yang telah disediakan perlu bermula dengan singkatan nama pejabat awam seperti berikut:

PNS - Pustaka Negeri Sarawak  
JPS - Jabatan Premier Sarawak  
JKS - Jabatan Kehakiman Syariah  
UNIMAS - Universiti Malaysia Sarawak

- ii. Pejabat awam perlu menggunakan singkatan nama yang telah dipersetujui bersama dengan Pustaka Negeri Sarawak dalam menyediakan skema klasifikasi fail bagi mengelakkan kekeliruan akibat pertindihan penggunaan singkatan nama yang sama dengan singkatan nama pejabat awam yang lain.
- iii. Pustaka Negeri Sarawak akan mewujudkan daftar induk singkatan nama pejabat awam bagi tujuan mengawal penggunaan singkatan nama jabatan awam.

## **LANGKAH 6: Penyediaan Manual Klasifikasi Fail**

- a. Setelah klasifikasi fail selesai disediakan, pejabat awam hendaklah menyediakan manual yang menerangkan secara terperinci:
  - Kaedah penggunaan klasifikasi fail
  - Kod klasifikasi
  - Kaedah pembukaan, memberi tajuk dan penutupan fail
  - Lain-lain perkara mengenai klasifikasi fail dan pengendalian fail yang perlu diketahui oleh kakitangan pejabat awam berkenaan.
  
- b. Manual klasifikasi fail ini perlu dikemaskini oleh pejabat awam dari masa ke masa sekiranya terdapat perubahan dan pertambahan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi.



## **7.0 PELAKSANAAN KLASIFIKASI FAIL BERDASARKAN FUNGSI, AKTIVITI, SUB-AKTIVITI DAN TRANSAKSI**

---

## **7.0 PELAKSANAAN KLASIFIKASI FAIL BERDASARKAN FUNGSI, AKTIVITI, SUB-AKTIVITI DAN TRANSAKSI**

- 7.1 Klasifikasi fail yang telah disediakan oleh pejabat awam dan telah dipersetujui oleh Pustaka Negeri Sarawak hendaklah dimaklumkan kepada semua kakitangan pejabat awam sebelum diperluaskan penggunaannya.
- 7.2 Sila rujuk **Lampiran 4** untuk kaedah pelaksanaan dan penggunaan klasifikasi fail yang baru.
- 7.3 Sila rujuk **Lampiran 5** untuk aliran kerja pelaksanaan klasifikasi fail yang baru.
- 7.4 Pejabat awam Negeri Sarawak perlu mendapat khidmat nasihat daripada Pustaka Negeri Sarawak untuk penerangan terperinci mengenai cara-cara pelaksanaan pembangunan klasifikasi fail ini.
- 7.5 Klasifikasi Fail dan Manual Klasifikasi Fail juga mesti tersedia untuk rujukan dan kegunaan semua kakitangan yang mewujud, menerima atau menggunakan rekod dan yang menyelenggara rekod aktif. Klasifikasi Fail dan Manual boleh disediakan seperti berikut:
  - Salinan fizikal (*hard copy*) atau
  - Dimuatnaik dalam intranet atau laman web
- 7.6 Sesi-sesi latihan perlu diadakan untuk meningkatkan kemahiran kakitangan untuk menggunakan klasifikasi fail serta memberikan pengetahuan kepada kakitangan baru.

7.7 Pemantauan penggunaan klasifikasi fail perlu dilaksanakan sepanjang masa bagi memastikan rekod diwujudkan dan difailkan dengan betul dan tepat. Pemantauan ini perlu dilaksanakan secara teliti dan mendalam dari peringkat permulaan bagi:

- Memantapkan pemahaman mengenai klasifikasi fail
- Mengesan dan membetulkan kesilapan fail-memfail
- Membantu mengenalpasti keperluan untuk penambahbaikan proses kerja.

7.8 Setiap pejabat awam perlu menyediakan satu mekanisme untuk kakitangan memperolehi maklumat tambahan atau bantuan mengenai klasifikasi fail tersebut serta mengemukakan cadangan penambahbaikan.





## **8.0 KEMASKINI KLASIFIKASI FAIL PEJABAT AWAM**

---

## **8.0 KEMASKINI KLASIFIKASI FAIL PEJABAT AWAM**

Pejabat awam perlu mengemaskini klasifikasi fail sekiranya berlaku:

- a. Pengstruktur semula
- b. Penambahbaikan atau pengurangan fungsi
- c. Keseluruhan atau sebahagian fungsi tidak dilaksanakan lagi atau dijumlahkan.



## **9.0 PENUTUP**

---

## **9.0 PENUTUP**

Klasifikasi fail yang disediakan berdasarkan panduan dalam Manual ini membolehkan pejabat awam Kerajaan Sarawak akur kepada keperluan program pengurusan rekod selaras dengan MS 2223:2009 dan memenuhi sebahagian daripada pra-syarat untuk pelaksanaan penggunaan aplikasi sistem pengurusan rekod elektronik (ERMS).

Klasifikasi fail yang diterangkan dalam Manual ini juga dapat memudahkan pencapaian maklumat untuk membuat keputusan dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Walaupun penyediaan klasifikasi fail berdasarkan fungsi ini mengambil masa, namun, sokongan padu daripada pihak pengurusan atasan adalah sangat penting dan komitmen yang tinggi dari kakitangan pengurusan rekod dapat membantu dalam menggerakkan dan melaksanakan penyediaan dan penggunaan klasifikasi fail ini dengan lancar dan berkesan.



## **10.0 LAMPIRAN**

---

## **10.0 LAMPIRAN**

Lampiran ini disediakan bagi membantu jabatan / agensi Kerajaan Negeri Sarawak dalam melaksanakan proses pembentukan klasifikasi fail berdasarkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi. Lampiran - lampiran meliputi perkara-perkara berikut:

**Lampiran 1** - Contoh Format Deskripsi

**Lampiran 2** - Format Pengharmonian Klasifikasi Fail

**Lampiran 3** - Carta Aliran Pengharmonian Dan Persetujuan Klasifikasi Fail

**Lampiran 4** - Cara-cara Pelaksanaan Klasifikasi Fail Yang Baru

**Lampiran 5** - Aliran Kerja Pelaksanaan Klasifikasi Fail Yang Baru

**Lampiran 6** - Contoh Templat Klasifikasi Fail Urusan Am Pejabat Awam Kerajaan Sarawak

**Lampiran 7** - Contoh Templat Klasifikasi Fail Urusan Fungsian Pustaka Negeri Sarawak



## **11.0      PERTANYAAN**

---

## 11.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut boleh diajukan kepada:

**Ketua Pegawai Eksekutif**

Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium

93050, Petra Jaya, Kuching

Sarawak, Malaysia

Tel.: +60 82 442000

Faks: +60 82 379785

Laman Web Rasmi: [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)



## Contoh Format Deskripsi


FUNGSI	AKTIVITI	SUB-AKTIVITI	TRANSAKSI (Tajuk Fail)	DESKRIPSI
<b>PENTADBIRAN</b>				Perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran mengenai <b>perundangan</b> ; perhubungan awam / perhubungan raya dan seranta / komunikasi korporat; program kerjasama; laporan dan perangkaan; pengurusan mesyuarat; kemudahan fasiliti; pertubuhan, persatuan dan badan kebajikan; bertugas di Parlimen / Dewan Undangan Negeri; Penerbitan; teknologi maklumat; pengurusan rekod; pembaharuan pentadbiran; piawaian / standard (ISO); pengurusan pejabat; majlis / sambutan / perayaan/pesta; pusat sumber / perpustakaan; Lembaga Penasihat; pendaftaran warisan kebangsaan; pilihanraya; pengurusan kesinambungan perkhidmatan; audit; Rancangan Malaysia.
	<b>Perundangan</b>			Perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran mengenai <b>penggubalan akta dan</b>

				<b>peraturan</b> ; khidmat nasihat perundangan; khidmat guaman; perjanjian / konsesi; memorandum; Akta Kementerian / Jabatan luar; Enakmen / Ordinan Negeri / Jabatan luar; Pekeliling /Surat Pekeliling dan Peraturan Kementerian / Jabatan dan Arahan dan Perintah.
		<b>Penggubalan Akta/Ordinan/ Enakmen/ Kanun</b>		Perkara-perkara berkaitan urusan <b>penggubalan Akta/Ordinan/Enakmen/ Kanun</b> di peringkat Jabatan / Agensi.
			Jawatankuasa Penyediaan Ordinan Jabatan	Perkara-perkara berkaitan urusan mesyuarat penyediaan draf Ordinan di peringkat Jabatan / Agensi, minit, agenda, panggilan mesyuarat, maklumbalas, draf Ordinan dan lain-lain yang berkaitan.

**Format Pengharmonian Klasifikasi Fail**

1. Semua siri tambahan di peringkat aktiviti atau sub-aktiviti rekod Urusan Am yang tiada dalam templat Klasifikasi Rekod Urusan Am (*Housekeeping* yang dilampirkan dalam manual ini) dan rekod Urusan Fungsian perlu disenaraikan.
2. Draf Klasifikasi Fail meliputi semua fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi serta kod (tajuk fail yang sedia ada) perlu disenaraikan.
3. Sila lihat Lampiran Contoh Klasifikasi Urusan Am Jabatan / Agensi Awam Kerajaan Sarawak yang disertakan dalam manual ini sebagai contoh dan untuk rujukan ketika menyediakan Draf Klasifikasi Fail.

**Carta Aliran Pengharmonian Dan Persetujuan Klasifikasi Fail**



## Kaedah Pelaksanaan Klasifikasi Fail Baru

### Persediaan Awal

1. Pisahkan **fail-fail yang aktif** daripada **fail-fail yang tidak aktif**.
2. Padankan **fail-fail yang aktif** (yang sedang diguna pakai) dengan klasifikasi baru dan catatkan nombor fail tersebut di sebelah nombor fail yang berkaitan dalam klasifikasi baru.

**PERINGATAN:** Sekiranya tiada tajuk fail dalam klasifikasi baru yang berpadanan dengan format, sila catatkan tajuk fail tersebut di bawah sub-aktiviti yang sesuai di mana fail tersebut patut dibuka.


### Penutupan Fail Aktif Yang Lama dan Pembukaan Fail Baru

1. Tutup **fail-fail lama** yang aktif dan **buka kulit fail yang baru** berdasarkan padanan nombor kod yang telah dibuat di item 2 yang dinyatakan di atas.
2. Ikatkan **kulit fail baru** bersama dengan **fail aktif** (fail yang menggunakan klasifikasi lama – **kulit fail baru di atas fail aktif klasifikasi lama**) yang telah ditutup. Fail lama ini boleh dipisahkan selepas satu tempoh yang sesuai apabila fail baru boleh digunakan sebagai rujukan untuk tindakan seterusnya apabila fail lama tidak lagi diperlukan untuk rujukan. Semua fail yang dipisahkan untuk tujuan ini perlu disusun, disenarai, disimpan dalam kotak yang bertanda dengan senarai tajuk fail (yang ada dalam setiap kotak) dan disimpan di Registri sehingga fail-fail ini tidak diperlukan lagi untuk rujukan tugas harian jabatan. Fail-fail ini boleh diambil tindakan pemindahan untuk tujuan pelupusan setelah fail-fail ini mematuhi tempoh pengekalan yang dinyatakan dalam Jadual Pemisahan Rekod.

### **Tindakan Ke atas Fail Yang Tidak Aktif**

1. Semua **fail-fail yang tidak aktif** perlu ditutup, disusun, disenarai dan dimasukkan dalam kotak. Fail-fail ini boleh diambil tindakan pemisahan dan pelupusan selepas memenuhi tempoh pengekalan di jabatan.

Aliran Kerja Pelaksanaan Klasifikasi Fail Yang Baru



**Contoh Templat Klasifikasi Urusan Am Jabatan / Agensi Awam Kerajaan Sarawak**

**KUMPULAN REKOD PENTADBIRAN  
-100-**



## Contoh Templat Klasifikasi Urusan Am Jabatan / Agensi Awam Kerajaan Sarawak

KOD	FUNGSI			
KOD	AKTIVITI			
KOD	SUB-AKTIVITI	KOD	TRANSAKSI / FAIL	DESKRIPSI / KETERANGAN FAIL
<b>100</b>	<b>PENTADBIRAN</b>	Perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran mengenai perundangan; perhubungan awam / perhubungan raya dan seranta / komunikasi korporat; program kerjasama; laporan dan perangkaan; pengurusan mesyuarat; kemudahan fasiliti; pertubuhan, persatuan dan badan kebajikan; bertugas di Parlimen / Dewan Undangan Negeri; Penerbitan; teknologi maklumat; pengurusan rekod; pembaharuan pentadbiran; piawaian / standard (ISO); pengurusan pejabat; majlis / sambutan / perayaan/pesta; pusat sumber / perpustakaan; Lembaga Penasihat; pendaftaran warisan kebangsaan; pilihanraya; pengurusan kesinambungan perkhidmatan; audit; Rancangan Malaysia.		
<b>100 -1</b>	<b>PERUNDANGAN</b>	Perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran mengenai penggubalan akta dan peraturan; khidmat nasihat perundangan; khidmat guaman; perjanjian / konsesi; memorandum; Akta Kementerian / Jabatan luar; Enakmen / Ordinan Negeri / Jabatan luar; Pekeliling /Surat Pekeliling dan Peraturan Kementerian / Jabatan dan Arahan dan Perintah.		
<b>100-1/1</b>	<b>Penggubalan Akta dan Peraturan</b>	<b>100-1/1/1</b>	Jawatankuasa Penyediaan Ordinan Jabatan	Perkara-perkara berkaitan urusan mesyuarat penyediaan draf Ordinan di peringkat Jabatan / Agensi.
		<b>100-1/1/2</b>	Mesyuarat Dewan Undangan Negeri	Perkara-perkara berkaitan urusan mesyuarat Dewan Undangan Negeri mengenai perbahasan untuk meluluskan draf Ordinan Jabatan termasuk nota-nota Dewan Undangan Negeri.

		<b>100-1/1/3</b>	Pindaan Ordinan Jabatan	Perkara-perkara berkaitan penyediaan pindaan kepada Ordinan Jabatan.
<b>100-1/2</b>	<b>Khidmat Nasihat dan Pandangan Perundangan</b>	<b>100-1/2/1</b>	Peguam Negara	Perkara-perkara berkaitan ulasan nasihat dan pandangan oleh pejabat Peguam Negara mengenai perundangan seperti akta, ordinan, enakmen, pekeliling, arahan dan sebagainya.
		<b>100-1/2/2</b>	Penasihat Undang-undang Jabatan	Perkara-perkara berkaitan khidmat nasihat dan pandangan mengenai perundangan oleh Penasihat Undang-undang Jabatan / Agensi.
<b>100-1/3</b>	<b>Khidmat Guaman</b>	<b>100-1/3/1</b>	Fail Kes: Ali Bin Baba	Perkara-perkara berkaitan khidmat guaman yang dipohon oleh individu atau syarikat atau mana-mana pihak atas kes-kes mahkamah berkaitan dengan aduan, pertuduhan, permohonan khidmat guaman, penerimaan dan penghantaran maklum balas, pengumpulan maklumat, keputusan penghakiman, rayuan kes (jika ada).
		<b>100-1/3/2</b>	Fail Kes: XXXXXXXXXXXX (Nama Pemohon)	Perkara-perkara berkaitan khidmat guaman yang dipohon oleh individu atau syarikat atau mana-mana pihak atas kes-kes mahkamah berkaitan dengan aduan, pertuduhan, permohonan khidmat guaman, penerimaan dan penghantaran maklum balas, pengumpulan maklumat, keputusan penghakiman, rayuan kes (jika ada).
		<b>100-1/3/3</b>	Fail Kes: XXXXXXXXXXXX (Nama Pemohon)	Perkara-perkara berkaitan khidmat guaman yang dipohon oleh individu atau syarikat atau mana-mana pihak atas kes-kes mahkamah berkaitan dengan aduan, pertuduhan, permohonan

				khidmat guaman, penerimaan dan penghantaran maklum balas, pengumpulan maklumat, keputusan penghakiman, rayuan kes (jika ada).
<b>100-1/4</b>	<b>Perjanjian / Koneksi</b>	<b>100-1/4/1</b>	Perjanjian Kerajaan Sarawak dengan Syarikat Bekalan Air	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan perjanjian, penyemakan draf perjanjian, ulasan dan maklum balas, pindaan draf, perjanjian muktamad.
		<b>100-1/4/2</b>	Koneksi Kawasan Pembalakan Kepada Syarikat ABC	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan perjanjian koneksi, penyemakan draf perjanjian, ulasan dan maklum balas, pindaan draf, perjanjian muktamad mengenai koneksi kawasan pembalakan.
<b>100-1/5</b>	<b>Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding (MoU) / Memorandum of Agreement (MoA))</b>	<b>100-1/5/1</b>	MoU Dengan Negara-Negara ASEAN	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan MoU dan penyemakan draf, ulasan dan maklum balas, pindaan draf dan upacara menandatangani Mou.
		<b>100-1/5/2</b>	MoU Dengan Negara China	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan MoU dan penyemakan draf, ulasan dan maklum balas, pindaan draf dan upacara menandatangani Mou.
		<b>100-1/5/3</b>	MoU Dengan Negara Eropah	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan MoU dan penyemakan draf, ulasan dan maklum balas, pindaan draf dan upacara menandatangani Mou.

		<b>100-1/5/4</b>	MoU Antara Kerajaan Negeri Dengan PETRONAS	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan MoU dan penyemakan draf, ulasan dan maklum balas, pindaan draf dan upacara menandatangani Mou.
		<b>100-1/5/5</b>	MoU Dengan Institusi Pengajian Tinggi	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan MoU dan penyemakan draf, ulasan dan maklum balas, pindaan draf dan upacara menandatangani Mou.
<b>100-1/6</b>	<b>Akta Kementerian / Jabatan Luar</b>	<b>100-1/6/1</b>	Akta Kementerian Kerajaan Persekutuan	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan penghantaran akta-akta dan maklum balas, penyerahan dan penerimaan naskah akta-akta dari Kementerian-Kementerian Kerajaan Persekutuan.
<b>100-1/7</b>	<b>Enakmen / Ordinan Negeri / Jabatan Luar</b>	<b>100-1/7/1</b>	Ordinan-Ordinan Kerajaan Sarawak	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan penghantaran ordinan dan maklum balas, penyerahan dan penerimaan naskah ordinan dari Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan Negeri Sarawak.
		<b>100-1/7/2</b>	Enakmen Kerajaan Negeri Sabah	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan penghantaran enakmen dan maklum balas, penyerahan dan penerimaan naskah ordinan dari Kementerian-Kementerian dan jabatan-jabatan Negeri Sarawak.

<b>100-1/8</b>	<b>Pekeliling / Surat Pekeliling dan Peraturan Kementerian / Jabatan</b>	<b>100-1/8/1</b>	Pekeliling Dalaman Jabatan	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan pekeliling dalaman jabatan, pindaan dan pengedaran.
		<b>100-1/8/2</b>	Pekeliling Am Kerajaan Persekutuan	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan pengesahan penerimaan Pekeliling Am Kerajaan Persekutuan.
		<b>100-1/8/3</b>	Pekeliling Perbendaharaan / Kementerian Kewangan Persekutuan	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan pengesahan penerimaan Pekeliling Kewangan Persekutuan
		<b>100-1/8/4</b>	Surat Pekeliling dan Peraturan Jabatan Ketua Menteri	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan pengesahan penerimaan Pekeliling dan Peraturan Perkhidmatan Jabatan Ketua Menteri.
		<b>100-1/8/5</b>	Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan pengesahan penerimaan Pekeliling Perkhidmatan Kerajaan Persekutuan.
<b>100-1/9</b>	<b>Arahan dan Perintah</b>	<b>100-1/9/1</b>	Arahan dan Perintah Dalaman Jabatan	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan draf, pindaan draf, pengedaran Arahan dan Perintah dalaman jabatan.
		<b>100-1/9/2</b>	Arahan dan Perintah Dari Jabatan Luar	Perkara-perkara berkaitan dengan penerimaan dan maklum balas mengenai arahan dan perintah dari jabatan-jabatan luar.

<b>100-2</b>	<b>PERHUBUNGAN AWAM / PERHUBUNGAN RAYA DAN SERANTA / KOMUNIKASI KORPORAT</b>	Perkara-perkara berkaitan publisiti dan promosi; keratan akhbar; sidang akhbar; profil pejabat / agensi awam; kempen; pameran; istiadat protokol; jemputan majlis rasmi dan tidak rasmi pejabat / agensi awam; aduan; hari bertemu pelanggan; kajian kehendak pelanggan; lawatan dalam negeri; lawatan Diraja / Orang Kenamaan; lawatan tidak rasmi ke luar Negara; lawatan rasmi ke luar Negara; makluman pertukaran; tawaran perkhidmatan dan bekalan; ucapan / penghargaan / takziah; perutusan; derma dan sumbangan.		
<b>100-2/1</b>	<b>Perhubungan Awam / Perhubungan Raya dan Seranta</b>	<b>100-2/1/1</b>	Publisiti dan Promosi Jabatan	Perkara-perkara berkaitan penyediaan maklumat liputan akhbar / media mengenai aktiviti pejabat awam; penghantaran siaran / kenyataan akhbar ( <i>press release</i> ) kepada pelbagai media massa; jerayawara (Road Tour) aktiviti publisiti dan hebahan.
		<b>100-2/1/2</b>	Sidang Akhbar	Perkara-perkara berkaitan permohonan dan persetujuan mengadakan sidang akhbar, penyediaan maklumat <i>press kit</i> , penghantaran siaran akhbar ( <i>press release</i> ) kepada pelbagai media massa.
		<b>100-2/1/3</b>	Pameran Jabatan	Perkara-perkara berkaitan dengan penyediaan pameran anjuran jabatan / agensi termasuk urusan mesyuarat, penyediaan kertas cadangan / konsep, pengesanan bahan pameran, penyalinan bahan pameran, penyediaan kapsyen, rekabentuk pameran, penyediaan katalog, perasmian.

		<b>100-2/1/4</b>	Keratan Akhbar Mengenai Jabatan	Perkara-perkara berkaitan keratan akhbar / siaran akhbar dalam pelbagai format dan media massa tentang program dan aktiviti pejabat awam.
<b>100-2/2</b>	<b>Komunikasi Korporat</b>	<b>100-2/2/1</b>	Profil Jabatan / Agensi	Perkara-perkara berkaitan dengan sejarah pentadbiran pejabat awam, visi, misi, objektif, fungsi, carta organisasi, ikrar, logo, lagu, bendera, pakaian seragam, direktori pejabat awam.
		<b>100-2/2/2</b>	Istiadat / Protokol	Perkara-perkara yang berkaitan dengan senarai keutamaan pegawai kanan kerajaan dalam majlis rasmi, senarai kekanan dalam jabatan, pencalonan pegawai protokol, pertanyaan dan maklum balas isu protokol dengan Jabatan Ketua Menteri dan lain-lain agensi.
		<b>100-2/2/3</b>	Jemputan Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi	Perkara-perkara berkaitan dengan jemputan majlis rasmi dan tidak rasmi dalam jabatan / agensi, jemputan majlis rasmi dan tidak rasmi dari luar pejabat / agensi dan pengesahan kehadiran.
		<b>100-2/2/4</b>	Aduan Mengenai Perkhidmatan Jabatan	Perkara-perkara meliputi aduan orang ramai atau pelanggan tentang perkhidmatan jabatan / agensi, perkhidmatan kaunter, penerimaan dan penghantaran maklum balas aduan. Aduan diterima melalui pelbagai media seperti peti cadangan, e-mel, telefon dan bersemuka.

		<b>100-2/2/5</b>	Hari Bertemu Pelanggan	Perkara-perkara berkenaan perancangan dan pelaksanaan, jemputan, pertanyaan dan jawapan, penerimaan dan penghantaran maklum balas.
		<b>100-2/2/6</b>	Kajian Kehendak Pelanggan	Perkara-perkara berkenaan dengan penyediaan borang soal selidik, pelaksanaan kajian, analisa dapatan kajian, penerimaan dan penghantaran maklum balas, urusan mesyuarat dan laporan jawatankuasa.
		<b>100-2/2/7</b>	Lawatan Dalam Negeri	Perkara-perkara berkenaan lawatan ke pejabat atau institusi dalam negeri, lawatan dari jabatan / agensi lain, permohonan dan kelulusan, penetapan / penundaan tarikh lawatan, jadual lawatan, persediaan lawatan, program dan aturcara lawatan.
		<b>100-2/2/8</b>	Lawatan Diraja / Orang Kenamaan	Perkara-perkara berkaitan dengan lawatan Diraja / Kenamaan dalam dan luar Negara, permohonan dan kelulusan, penetapan / penundaan tarikh lawatan, jadual lawatan, istiadat / protokol, program / aturcara lawatan, penyediaan slaid taklimat dan teks ucapan.
		<b>100-2/2/9</b>	Lawatan Rasmi ke Luar Negara	Perkara-perkara berkenaan urusan permohonan dan kelulusan Kementerian, penetapan / penundaan tarikh lawatan, jadual lawatan, urusan permohonan visa dan penyediaan laporan lawatan.



		<b>100-2/2/10</b>	Lawatan Tidak Rasmi ke Luar Negara	Perkara-perkara berkenaan urusan permohonan dan kelulusan kebenaran lawatan pegawai dan kakitangan, persediaan dan perlindungan insurans.
		<b>100-2/2/11</b>	Makluman Pertukaran	Perkara-perkara meliputi pertukaran alamat jabatan / agensi, pertukaran nombor telefon, pertukaran jawatan ketua jabatan / agensi dan pertukaran nama jabatan / agensi.
		<b>100-2/2/12</b>	Tawaran Perkhidmatan dan Bekalan	Perkara-perkara berkenaan penerimaan maklumat bekalan dan perkhidmatan seperti brosur, pamphlet, profil syarikat, pakej penginapan dan seminar di hotel-hotel, kemudahan pinjaman bank, notifikasi jualan, pakej melancong / umrah / haji dan lain-lain.
		<b>100-2/2/13</b>	Ucapan / Penghargaan / Takziah	Perkara-perkara meliputi penyediaan draf ucapan penghargaan / takziah, penyediaan dan penyediaan sijil penghargaan.
		<b>100-2/2/14</b>	Perutusan	Perkara-perkara berkenaan dengan penyediaan, pengedaran dan penerimaan perutusan tahun baru, hari kemerdekaan dan lain-lain.
		<b>100-2/2/15</b>	Derma / Sumbangan	Perkara-perkara berkaitan dengan pungutan dan penyerahan derma sumbangan dan kahirat kematian.

<b>100-3</b>	<b>PROGRAM KERJASAMA</b>	Perkara-perkara berkaitan program kerjasama dalam negeri dan kerjasama luar negeri.		
<b>100-3/1</b>	<b>Program Kerjasama Dalam Negeri</b>	<b>100-3/1/1</b>	Projek Kajian Alam Sekitar Dengan UNIMAS	Urusan mesyuarat, penyediaan kertas cadangan / konsep, pembentangan, penyediaan peruntukan, perancangan kerja, pengagihan tugas, pelaksanaan kajian, analisa data, laporan dapatan, pembentangan laporan dan penerbitan laporan.
		<b>100-3/1/2</b>	Kajian Pengurusan Rekod Kerajaan Negeri Dengan UiTM	Urusan mesyuarat, penyediaan kertas cadangan / konsep, pembentangan, penyediaan peruntukan, perancangan kerja, pengagihan tugas, pelaksanaan kajian, analisa data, laporan dapatan, pembentangan laporan dan penerbitan laporan.
<b>100-3/2</b>	<b>Program Kerjasama Luar Negeri</b>	<b>100-3/2/1</b>	Projek Perancangan Bandar Dengan Kerajaan Kazakhstan	Perkara-perkara meliputi urusan mesyuarat, penyediaan kertas konsep / cadangan, permohonan maklumat, permohonan lawatan, aktiviti dan perbincangan, perancangan kerja, penyediaan peruntukan, aturcara kerja, aturcara program, laporan kemajuan projek.
<b>100-4</b>	<b>LAPORAN DAN PERANGKAAN</b>	Perkara-perkara berkaitan dengan laporan kemajuan kerja jabatan / agensi.		
<b>100-4/1</b>	<b>Laporan Kemajuan Kerja</b>	<b>100-4/1/1</b>	Laporan Kemajuan Kerja Bulanan Bahagian Pentadbiran	Perkara-perkara meliputi laporan kerja harian, mingguan dan bulanan kakitangan Bahagian Pentadbiran Jabatan / Agensi.

		<b>100-4/1/2</b>	Laporan Kemajuan Kerja Bulanan Bahagian Kewangan	Perkara-perkara meliputi laporan kerja harian, mingguan dan bulanan kakitangan Bahagian Kewangan Jabatan / Agensi.
